

# Penternak disyaki lupus bangkai ikan tilapia di Sungai Kinta

BH 13/7/25 P9A

**Ipoh:** Ribuan ikan tilapia hitam yang ditemukan mati di Sungai Kinta pada 30 Jun lepas dipercayai bukan berasal dari habitat semula jadi sungai itu, sebaliknya dibuang ke dalam sungai oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Teh Kok Lim, berkata siasatan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan Negeri mendapati ikan berkenaan berkemungkinan besar berasal dari kolam ternakan.

“Ikan yang mati itu kelihatan seragam dan bukan jenis ikan liar. Kita mengesyaki ia telah dibuang ke dalam Sungai Kinta,

bukan mati secara semula jadi akibat pencemaran.

“Hasil ujian kualiti air yang dijalankan JAS menunjukkan bacaan berada dalam julat baik dan tiada pencemaran yang boleh menyebabkan kematian mengejut hidupan akuatik,” katanya selepas merasmikan Program Grand Prix Memburu Ikan Asing anjuran Jabatan Perikanan Negeri Perak di Taman Dr Seevenisagam di sini, semalam.

Pada 30 Jun lalu, tular sebuah video berdurasi 30 saat yang memaparkan ribuan bangkai ikan tilapia hitam dijumpai penduduk di Sungai Kinta berhampiran Kuil Guan Yin, Ipoh.

Kok Lim menyifatkan perbuatan membuang bangkai ikan ke dalam sungai sebagai tidak bermoral kerana menjejaskan ekosistem serta memberi kesan kepada penduduk yang menggunakan air sungai untuk aktiviti harian.

“Jika ikan mati, penternak perlu bertanggungjawab dan melupuskannya dengan betul seperti menanam bangkai ikan tersebut, bukan membuang ke dalam sungai,” tegasnya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Mohd Ghazali Manap, berkata pihaknya telah bertindak segera mengeluarkan bangkai ikan dari kawasan terjejas. BERNAMA



Kok Lim (dua dari kanan) merasmikan Program Grand Prix Memburu Ikan Asing di Taman Dr Seevenisagam, Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)